



NIK MOHD. SHAFIKUDIN (kanan) menunjukkan beg Sonic yang dihasilkan Pusat Kesihatan USIM di Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.



NIK MOHD. SHAFIKUDIN (tengah) memegang beg Sonic yang bersifat tahan lasak dan sesuai digunakan ketika melakukan aktiviti luar.

# Beg kecemasan tahan lasak

Produk yang diperbuat daripada kain sintetik dan tali nilon itu ganti peti kecemasan.

**M**ASALAH peti kecemasan rosak yang dihadapi oleh warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ketika melakukan aktiviti luar mendorong sekumpulan staf dari Pusat Kesihatan USIM itu menghasilkan inovasi baharu iaitu beg yang dinamakan sebagai Sonic.

Produk mesra pengguna yang diperbuat daripada kain sintetik fiber filter dan tali nilon itu bukan sahaja mudah untuk dibawa tetapi dapat menjimatkan kos bagi tempoh jangka masa panjang.

Dengan kos penghasilan sebanyak RM97 setiap satu, beg yang turut dilengkapi dengan kompas dan kad panduan penggunaan itu mempunyai fungsi tambahan antaranya boleh dijadikan tilam untuk tidur dan

penambahan *stretcher* selain ruang penyimpanan ais paket, bank kuasa (*powerbank*) dan lampu picit.

Pengarah Pusat Kesihatan USIM, Dr. Nik Mohd. Shafikudin Md. Taujuddin berkata, pihaknya mendapati peti kecemasan sedia ada yang digunakan oleh pelajar tidak sesuai bagi kegunaan aktiviti luar dan lasak.

"Peti kecemasan ini diperbuat daripada plastik. Jadi, penggunaan secara tidak berhemah boleh menyebabkannya rosak. Antara masalah yang dihadapi ialah mudah pecah dan pemegang tertanggal.

"Sebanyak 64 kerosakan peti kecemasan direkodkan sepanjang tahun 2013," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Nik Mohd. Shafikudin,

beg Sonic yang dihasilkan oleh kumpulannya memenuhi spesifikasi iaitu reka bentuk yang sesuai diperbuat daripada bahan tahan lasak dan bersaiz sederhana.

Antara peralatan asas kecemasan yang disediakan di dalam beg itu ialah pembalut luka, kain anduh, pembalut kain kasa, larutan iodine, krim antiseptik dan gunting kecil.

"Beg Sonic telah diuji dalam beberapa aktiviti luar kampus antaranya pendakian Bukit Broga dan Gunung Datuk, Kor Sukhis USIM, Amazing Raxe dan Explorace namun, tiada kerosakan direkodkan semasa ia dipulangkan," katanya.

Beg Sonic dipilih sebagai penerima Anugerah Khas Pengurusan Bencana Negara dan penarafan emas pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam ke-11 baru-baru ini. - ATIKAH DALI

inovasi



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
UNIVERSITY OF ISLAMIC STUDIES MALAYSIA

BEG Sonic diperbuat daripada bahan tahan lasak dan bersaiz sederhana.

